

Decorative blue lines in the top-left corner, consisting of two parallel, rounded rectangular shapes.

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN

2009

Decorative blue and red lines on the right side, including a vertical blue line and several parallel, rounded rectangular shapes in blue and red at the bottom.

ISI KANDUNGAN :

BIL	TARIKH	TAJUK
JULAI		
1.	13 Julai 2009	Maklumbalas Aduan Akhbar Bertajuk “Tukang Masak Dakwa Dianiaya Pegawai” Terbitan Harian Metro Selatan Pada 10 Julai 2009
SEPTEMBER		
2.	14 September 2009	Maklumbalas Aduan Akhbar Bertajuk “JKR Tidak Layan Aduan Kerosakan” Dalam Berita Harian Pada 28 Ogos 2009
3.	14 September 2009	Maklumbalas Aduan Akhbar Bertajuk “Selaras Pencen Pesara Kerajaan” Dalam Sinar Harian Pada 7 Julai 2009



Siaran
AKHBAR

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/TAD/UKK/17/7 (14)

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR BERTAJUK "TUKANG MASAK DAKWA DIANIAYA PEGAWAI"
TERBITAN HARIAN METRO SELATAN PADA 10 JULAI 2009**

Markas Tentera Laut, Kementerian Pertahanan ingin mengulas serta menyangkal dakwaan tukang masak yang menyatakan beliau dianiaya pegawai yang mana tidak tepat sama sekali. Untuk makluman, 832452 LK 1 BDI Khairul Izwan Bin Mohamad telah dipertuduh dan disabit dengan kesalahan mencuri "96 tin susu milik kerajaan Malaysia. Beliau telah dibicarakan terus oleh Pegawai Memerintah dan dijatuhkan hukuman 28 hari tahanan pada 10 April 2009.

Pihak TLDM tidak berkompromi dengan warganya yang terlibat dengan kesalahan jenayah. Fakta anggota telah dijatuhkan hukuman tidak menghalang anggota diberhentikan daripada perkhidmatan adalah tidak tepat kerana Panglima Tentera Laut diberi kuasa untuk meluluskan pemberhentian mana-mana anggota TLDM mengikut peruntukkan undang-undang dan dasar sedia ada.

Selain itu, ingin dijelaskan di sini bahawa semua warga TLDM dikehendaki melengkapkan beberapa dokumen untuk proses pemberhentian. Antaranya ialah borang pengesahan kesihatan, penukaran kad pengenalan diri serta bayaran simpanan diri dan kerajaan di bawah Skim Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Proses ini perlu dilalui oleh semua warga TLDM sama ada mereka diberhentikan daripada perkhidmatan atau menamatkan perkhidmatan mengikut tempoh.

Tindakan anggota menghubungi akhbar Harian Metro dan memberikan fakta yang tidak tepat amat dikesali dan pihak Unit Komunikasi Korporat memohon agar pihak Harian Metro menyiarkan kenyataan ini supaya aduan pengadu ini tidak menimbulkan persepsi negatif yang mana boleh mencemarkan imej terhadap perkhidmatan kami di kalangan orang awam.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Kepten Wah Yuen Mei TLDM dari Markas Tentera Laut di talian 03-20713224.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KUALA LUMPUR
13 OKTOBER 2009**



Siaran
AKHBAR

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN PERTAHANAN

Btl. 04 09 / 2009
KP/TAD/UKK/177 (11)

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR BERTAJUK "JKR TIDAK LAYAN ADUAN KEROSAKAN" DALAM BERITA HARIAN PADA 28 OGOS 2009

Pihak Kementerian Pertahanan ingin mengucapkan terima kasih di atas aduan dari "LLP Kecewa, Kem Terendak, Melaka" yang disiarkan dalam ruangan Surat & E-Mel pada 28 Ogos 2009. Untuk makluman, Kementerian tidak dapat mengambil tindakan susulan terhadap aduan pengadu kerana butir-butir aduan yang dikemukakan adalah terlalu umum. Keadaan ini menyebabkan pihak Kementerian sukar untuk mengenalpasti rumah pengadu bagi tujuan pembaikan.

Pihak Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan memohon kerjasama "LLP Kecewa, Kem Terendak, Melaka" untuk menghubungi Puan Faridah Hanim Abdul Ghani di talian 03-20714891 atau Tol Free Mindef di 1 800 222 700 bagi memberikan maklumat lanjut berkenaan aduan pengadu.

Pihak Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan memohon agar pihak Berita Harian menyiarkan kenyataan ini supaya aduan pengadu tidak menimbulkan persepsi negatif terhadap perkhidmatan kami di kalangan orang awam .

Sebarang pertanyaan sila hubungi Puan Faridah Hanim Abdul Ghani di talian 03-20714891.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KUALA LUMPUR
14 SEPTEMBER 2009**



Siaran
AKHBAR

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/TAD/UKK/17/7 (12)

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR BERTAJUK "SELARAS PENCEN PESARA KERAJAAN" DALAM SINAR HARIAN PADA 7 JULAI 2009

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM), Kementerian Pertahanan ingin mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang dipanjangkan oleh Haji Ahmad Daud PBTM.

Untuk makluman, JHEV ATM menerima baik cadangan daripada pengadu dan perkara tersebut akan dimasukkan ke dalam Akta Veteran ATM yang sedang dirangka dan dijangka akan dibentangkan dalam Parlimen pada Oktober 2009.

Pesara pencen hilang upaya kekal hanya akan diberi pencen mengikut kadar yang bersesuaian dan bukan sehingga RM720. Hanya pesara pencen perkhidmatan sahaja yang layak menerima RM720 sebulan.

Sebarang pertanyaan sila hubungi **Kapten Salim , Bahagian Pencen JHEV ATM** di talian 03-20508113.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KUALA LUMPUR
14 SEPTEMBER 2009**